

15 FEB 1996

Mahathir - Telefon

BAYARAN TELEFON IKUT MASA LEBIH ADIL, KATA PM

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Kadar baru bayaran telefon tempatan yang dikira mengikut jangka masa panggilan dengan bayaran minimum 9 sen bagi setiap unit lebih adil berbanding 13 sen yang dikenakan bagi setiap panggilan sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kadar baru itu menguntungkan lebih banyak pihak kerana kebanyakan orang biasanya membuat panggilan tempatan selama tiga atau empat minit saja dan jika lebihpun, mereka hanya perlu membayar tambahan 3 sen setiap minit.

"Dulu satu minit pun 13 sen tetapi sekarang satu minit cuma 3 sen. Kalau dia guna tiga empat minit, paling banyak dia bayar 12 sen," katanya ketika ditanya oleh pemberita di Angkasapuri di sini selepas merakamkan ucapan Hari Raya Aidil Fitri di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM).

Semalam kabinet membuat keputusan bahawa mulai 1 Jun ini pengguna telefon akan dikenakan kadar bayaran 3 sen seminit bagi panggilan tempatan dengan kadar minimum 9 sen seunit.

Ketika mengumumkan keputusan itu, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie berkata kadar panggilan antarabangsa diturunkan antara 6 dan 31 peratus untuk panggilan ke 31 negara yang mempunyai banyak hubungan perdagangan dengan Malaysia.

Perdana Menteri berkata kadar baru panggilan tempatan itu akan memberi sedikit kesan kepada golongan yang menggunakan telefon untuk jangka masa panjang bagi setiap panggilan seperti pelanggan Rangkaian Perkhidmatan Digital Bersepadu, pelanggan Internet dan pengguna komputer.

"Kalau dia nak guna komputer sampai 24 jam dan bayar 13 sen sama dengan orang yang guna satu minit, bermakna orang yang guna satu minit itu teraniyalah sebab dia juga terpaksa bayar 13 sen," katanya.

Bagaimanapun, menurut Dr Mahathir, golongan itu boleh mendapatkan talian pajakan dengan bayaran yang tetap untuk menggunakan talian berkenaan selama mana mereka suka.

Katanya penurunan kadar panggilan antarabangsa membuktikan kerajaan sentiasa ingin berlaku adil dengan memastikan jika kadar satu perkhidmatan dinaikkan sedikit, satu perkhidmatan yang lain pula diturunkan.

Penurunan kadar panggilan antarabangsa itu bertujuan membolehkan Malaysia bersaing dengan negara-negara lain dalam menyediakan perkhidmatan telekomunikasi yang cekap dan murah, kata beliau. -- BERNAMA

AH MAI